



AHLI Persatuan Urusetia Pembantu Perlindungan Pelajar USIM bergambar kenangan bersama sekretariat Sahabat Hutan Bakau selepas berjaya menanam 300 anak pokok bakau di Kuala Gula, Bagan Serai, Perak baru-baru ini.

Pelajar USIM tanam 300 anak pokok bakau di Kuala Gula

PENGALAMAN.

Sekumpulan ahli Persatuan Urusetia Pembantu Perlindungan Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyertai Program Penanaman Semula Bakau 2015 di Kuala Gula, Bagan Serai, Perak baru-baru ini.

Pada program yang dianjurkan pertubuhan Sahabat Hutan Bakau itu, kumpulan pelajar terbabit berjaya menanam 300 batang anak pokok bakau.

Jurucakap kumpulan pelajar terbabit, Nurhidayah Mohd. Zakaria berkata, pengalaman mencari,

mengutip sebelum menanam sendiri anak pokok bakau sememangnya menyeronokkan.

"Sahabat Hutan Bakau menetapkan sasaran 1 juta pokok bakau ditanam setiap tahun bagi melindungi hutan bakau di seluruh negara," katanya.